

12 penuntut UMT dibebaskan dengan jaminan polis

Oleh **Zatul Iffah Zolkipli** - Disember 21, 2024 @ 4:38pm

zatuliffah@bh.com.my



Dua belas penuntut UMT ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan. - Foto fail NSTP

KUALA TERENGGANU: Seramai 12 penuntut **Universiti Malaysia Terengganu** (UMT) yang ditahan selepas dipercayai terlibat dalam kejadian pukul secara bergilir-gilir menggunakan objek tumpul di sebuah kolej kediaman, Ahad lalu dibebaskan dengan jaminan polis.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Superintendan Wan Mohd Zaki Wan Ismail, berkata ia susulan tempoh tahanan reman terhadap kesemua suspek yang berusia antara 20 hingga 22 tahun itu berakhir hari ini.

Beliau berkata, kesemua suspek sebelum ini ditahan di universiti berkenaan jam 6 petang Selasa lalu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan.

"Kita sedang melengkapkan kertas siasatan untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Rabu lalu, media melaporkan **UMT** mengesahkan terdapat laporan salah laku pelajar yang dibuat kepada pihak polis.

Sehubungan itu UMT sedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada polis dan menunggu hasil siasatan berhubung kejadian itu.

Menurut Pejabat Komunikasi Korporat UMT, pihak universiti turut menjalankan siasatan dalaman dan menegaskan setiap pelajar perlu sentiasa mematuhi Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar) 2024.